

JABATAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN
ANTARABANGSA

TARIKH: **09.12.2021** MASA: **13.12**

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PELANCARAN PROGRAM SISA SIFAR

TARIKH / MASA / TEMPAT

10 DISEMBER 2021 (JUMAAT)
8.30 PAGI

UiTM CAWANGAN PULAU PINANG
KAMPUS BERTAM

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Saudara WHIP Parti

Encik David Marshel a/l Pakianathan

Encik Ahmad Rizal bin Abd Hamid

Encik Muhamad Suzuki bin Ahmad

Saudara Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Dr. Siti Nur Fadzillah Muhsain

Penolong Rektor

UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam

Ketua-Ketua Jabatan Dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Warga Kerja dan Para Pelajar UiTM

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Majlis Pelancaran Program Sisa Sifar di UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam anjuran bersama Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan UiTM.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berusaha Dr. Siti Nur Fadzillah Muhsain, Penolong Rektor UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam dan pasukan beliau. Syabas dan Tahniah kerana menjadi institusi pengajian tinggi yang pertama di Seberang Perai yang bersama-sama MBSP untuk melaksanakan program sisa sifar di kampus.

Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Saudara WHIP Parti, Ahli-Ahli Majlis MBSP, Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP, warga kerja MBSP, warga kerja dan para pelajar UiTM, rakan-rakan media dan semua yang

turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis pada pagi ini. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada urusetia yang terlibat dalam menjayakan majlis pada hari ini.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Bandaraya Seberang Perai telah menentukan hala tuju yang jelas iaitu mensasarkan untuk mengurangkan 50% pelepasan karbon menjelang tahun 2022 iaitu pengurangan penghasilan karbon daripada 8.0 tan CO₂eq per kapita kepada 4.0 tan CO₂eq per kapita. Selain itu, sasaran menjadi *carbon neutral city* pada tahun 2030, iaitu 10 tahun dari Januari 2020 dan menjadi zero carbon city pada tahun 2050. MBSP komited untuk bersama bandaraya-bandaraya lain di dunia untuk menangani perubahan cuaca supaya dapat menghadkan pemanasan global ke 1.5⁰ Celcius.

MBSP telah ke hadapan dalam usaha mengurangkan penghasilan jejak karbon. Sukacita saya ingin mengisytiharkan satu rekod yang membanggakan, iaitu penduduk Seberang Perai telah berjaya mengurangkan penghasilan gas rumah hijau (*Green House Gases – GHG*) dari 8-ton CO₂e pada tahun 2017 kepada 6.31-ton CO₂e atau 21%

pengurangan penghasilan karbon pada tahun 2020. Manakala kadar kitar semula pada tahun 2020 telah mencapai 55.91% yang merupakan kadar pencapaian tertinggi di Malaysia.

Pencapaian besar ini bukanlah kebetulan tetapi hasil daripada perancangan yang rapi diikuti dengan tindakan yang jitu. Justeru itu marilah kita teruskan momentum ini, tidak boleh ditanggguh atau dilengahkan, memandangkan kita mempunyai visi yang lebih besar untuk dicapai iaitu untuk menjadikan Seberang Perai sebuah Bandar Raya Rendah Karbon (*Low Carbon City*) dan Bandar Raya Pintar (*Smart City*) menjelang Tahun 2022.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Maklumat di Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung menunjukkan penghasilan sampah meningkat dan sekiranya tidak dikawal, boleh menyebabkan Seberang Perai akan menghadapi krisis alam sekitar yang serius pada tahun 2030. Pada tahun 2019, sampah yang telah dijana oleh penduduk Seberang Perai adalah 553,242 tan atau 1,515 tan setiap hari,

meningkat kepada 598,234 tan pada tahun 2020, iaitu 1,639 tan setiap hari, yang menunjukkan peningkatan sebanyak 8.1%.

Penelitian yang mendalam pada data-data penghasilan sampah menunjukkan penjanaaan sampah industri telah meningkat begitu ketara iaitu 292,252 tan atau 15.99% pada tahun 2019, melonjak kepada 352,464 tan atau 20.6% pada tahun 2020. Di samping itu penjanaaan sisa domestik telah berkurangan iaitu 260,990 tan pada 2019, berkurangan kepada 245,770 tan pada tahun 2020, berkurangan 5.8%.

Peningkatan sisa industri secara mendadak memaksa satu tindakan diambil, antaranya MBSP mulai 1 Januari 2022 akan melaksanakan Sistem Pengurusan Sisa Pepejal Lestari (*Sustainable Solid Waste Management System*) sebagai langkah mengekang peningkatan sampah, yang mana setiap premis industri akan dikenakan caj perkhidmatan sekiranya penjanaaan sampah melebihi 24 tan setahun.

MBSP juga mengambil tindakan pro aktif dengan meneroka model ekonomi baru iaitu *Circular Model* yang berpaksikan penggunaan semula produk dan bahan mentah serta mencegah pembaziran dan pelepasan

yang merbahaya ke tanah, air dan udara. Dalam erti kata mudah, *Circular Model* menumpukan untuk *closing the loop* dan meningkatkan kecekapan penggunaan sumber (*resource efficiency*) dalam memaksimumkan penghasilan produk dan meminimumkan penghasilan sisa buangan. *Circular Model* ini dijangka dapat mengurangkan tekanan kepada tapak pelupusan akhir kerana bahan buangan dapat dimasukkan semula dalam kitaran bagi dijadikan produk yang baharu sekaligus mengurangkan kebergantungan terhadap bahan mentah.

Agenda Ekonomi Kitaran 2022 (*2022 Agenda on Circular Economy*) akan memberi tumpuan kepada sisa organik, sisa hijau (*green waste*) dan plastik. Terdapat lima peluang yang ditonjolkan dalam Tindakan Agenda yang berhubung kait dengan peralihan kepada ekonomi kitaran:-

1. Menggunakan sumber-sumber terbatas dengan sebaiknya (*Make better use of finite resources*).
2. Mengurangkan pengeluaran gas dan bahan merbahaya (*harmful substances*) ke udara (*Reduce emissions*).
3. Melindungi kesihatan manusia dan biodiversiti (*Protect human health and biodiversity*).
4. Melonjakkan ekonomi (*Boost economies*).

5. Menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan yang lebih baik
(*Create more and better jobs*).

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Universiti Teknologi Mara Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam merupakan institusi pengajian tinggi yang pertama di Seberang Perai yang bersama MBSP melaksanakan program sisa sifar. Konsep sisa sifar (*zero waste*) telah menjadi matlamat UiTM untuk mendidik dan mengajak warga UiTM mencontohi kitar semula yang membolehkan semua bahan buangan sebagai sumber untuk kegunaan lain.

Pelaksanaan konsep ini bermakna pembuangan sisa ke alam semulajadi dapat dikurangkan dan mampu digunakan sebagai sumber untuk kegunaan lain. Pengurusan sisa merupakan satu agenda kelestarian universiti yang menjadi hasrat warga UiTM untuk melihat UiTM menjadi universiti perintis kepada institusi pengajian tinggi yang lain dalam mengekalkan kelestariannya.

UiTM telah mengorak langkah dengan memberi tumpuan dalam pengkomposan rumput yang dipotong dan sisa makanan daripada asrama dan kantin. MBSP telah membekalkan 10 bekas 18 liter untuk mengumpul sisa organik dan sembilan (9) tong untuk membuat kompos secara semula jadi. Seramai 50 orang pelajar yang mengikuti mata pelajaran Pengurusan Sisa telah secara sukarela dan mengikut giliran membantu dalam penyediaan kompos. Diharap pihak universiti dapat menjadi mentor kepada IPT-IPT yang lain, sekolah-sekolah dan komuniti-komuniti berhampiran bagi melaksanakan sisa sifar.

MBSP akan sentiasa bersama UiTM bagi menjayakan program sisa sifar dan juga membantu dalam penyelidikan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan kaedah-keadah pengkomposan. Harapannya ialah jika sumber diuruskan dengan baik dan berkesan serta menggunakan teknologi yang bersesuaian, sudah pasti produk dan perkhidmatan yang dihasilkan adalah bermutu dan mesra alam serta mampu menjadikan UiTM sebagai satu universiti sisa sifar.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Saya bagi pihak MBSP mengucapkan ribuan terima kasih kepada penduduk Seberang Perai yang sentiasa menyokong semua usaha yang telah dibuat oleh MBSP selama ini dan berharap agar terus menyokong inisiatif-inisiatif yang direncanakan oleh MBSP ke arah pembentukan Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar menjelang tahun 2022. Saya berharap usaha kelestarian hijau Seberang Perai menjadi kenyataan.

Ingin saya nyatakan di sini bahawa kerjasama dan komitmen daripada penduduk Seberang Perai, organisasi-organisasi atau agensi kerajaan dan swasta adalah amat diperlukan oleh MBSP. Tanpa *Smart Partnership*, saya yakin hasrat untuk mencapai *Low Carbon City* dan *Smart City* pada tahun 2022 adalah sukar. Justeru, saya ingin menjemput dan mengalakkan lagi lebih banyak agensi-agensi swasta dan kerajaan dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti ke arah bandaraya rendah karbon.

MBSP juga akan sentiasa memastikan bahawa kita seiring dengan hasrat *Penang2030*. Oleh itu, marilah sama-sama kita berganding bahu bagi mencapai Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan. Saya

ucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang telah bersama-sama dengan MBSP dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat. Terima kasih tidak terhingga kepada Yang Berusaha Dr. Siti Nur Fadzillah Muhsain dan pasukan beliau yang sentiasa menyokong usaha-usaha MBSP.

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, dengan rasa besar hati dan dengan lafaz “**Bismillahirrahmanirrahim**” saya dengan ini melancarkan Majlis Pelancaran Program Sisa Sifar di UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam.

Sekian,

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***

Terima kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You.